

ATM kenal pasti tujuh tapak kuarters

30 MAR 2001
Oleh Mohd Zin Ali

SUBANG, Khamis — Kementerian Pertahanan mengenal pasti tujuh lokasi di sekitar Lembah Klang untuk pembinaan 6,963 unit kuarters Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang bernilai RM1.5 bilion.

Menterinya, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, tujuh lokasi pembinaan kuarters ATM itu ialah di Kem Kementah, Wardieburn, Pasifik, Sungai Besi, TUDM Subang, Cochrane dan U-Thant.

Beliau berkata, projek pembinaan itu akan dipertanggungjawabkan kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dengan ekuiti masing-masing sebanyak 51 dan 49 peratus.

“Projek pembinaan ini akan dilaksanakan secepat mungkin. Pelannya pun

hampir siap dan ia akan dilancarkan tidak lama lagi,” katanya selepas menyaksikan Program Penghantaran Sumbangan Rakyat Malaysia Untuk Masyarakat Champa di Pangkalan Udara TUDM Subang, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas lebih lanjut mengenai pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa projek pembinaan kuarters ATM adalah antara lima projek yang dikenal pasti akan dilaksanakan segera melalui peruntukan RM3 bilion, tambahan kepada RM28.8 bilion yang diluluskan dalam Belanjawan 2001.

Tambahan RM3 bilion itu adalah antara strategi kerajaan untuk memapankan momentum pertumbuhan ekonomi negara serta me-

ngekang kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat yang dijangka lebih teruk daripada dijangka sebelum ini.

Najib berkata, sebanyak 1,846 unit rumah akan dibina di Kem Kementah, Wardieburn (948), Pasifik (834), Sungai Besi (1,479), TUDM Subang (660), Cochrane (560) dan U-Thant (636).

Program pembinaan perumahan ATM itu membolehkan rumah jenis banglo dua tingkat, banglo satu tingkat, rumah berkembar, apartment dan rumah pangsa.

Difahamkan, ketika ini, kadar elaun perumahan terendah yang dinikmati anggota ATM ialah sebanyak RM230 bagi anggota berpangkat prebet, sehingga RM900 bagi pegawai berpangkat Brig Jen.